

31 JAN 2003

Syed Hamid-Singapura/I

SELESAIKAN PERTELAGAHAN KITA SECARA BAIK, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Mengulangi sentimen yang disuarakan Majlis Tertinggi Umno, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata Malaysia tidak patut dijadikan sasaran oleh Singapura untuk "meluahkan emosi".

Beliau juga percaya bahawa kenyataan-kenyataan oleh Singapura yang menghina atau mengaibkan Malaysia tidak akan memberikan hasil positif.

Bercakap kepada pemberita selepas muncul dalam program wawancara pagi RTM, Syed Hamid berkata perkara terbaik yang perlu dilakukan sekarang ialah berhenti membuat kenyataan tidak perlu dan saling tidak menunding jari.

Katanya kedua-dua pihak mungkin mempunyai perselisihan pendapat yang ketara tetapi ia tidak sepatutnya diterjemahkan kepada tindakan tidak wajar seperti pendedahan oleh pihak Singapura mengenai apa yang sepatutnya merupakan dokumen rahsia berhubung rundingan harga air di antara kedua-dua negara.

"Kita mungkin mempunyai perselisihan pendapat yang ketara tetapi saya fikir adalah tidak betul iaitu apabila anda tidak bersetuju dengan sesuatu rundingan, anda bertindak menerbitkan surat-surat berkenaan," katanya.

Hubungan antara Malaysia dan Singapura telah mengalami beberapa "kerengsaan", paling utama antaranya ialah isu semakan harga air dan kedaulatan Pulau Batu Puteh.

Selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno semalam, Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak akan membiarkan dirinya dijadikan sebagai kambing hitam oleh Singapura dalam usaha untuk mengalihkan perhatian rakyatnya daripada masalah ekonomi dan masalah lain.

Beliau juga berkata Malaysia juga tidak mahu terlibat dalam perang mulut dengan republik itu atau cuba mengemukakan hujahan balas mengenai isu-isu itu.

Mengenai tindakan Singapura yang mendedahkan kepada umum akan dokumen-dokumen berkenaan, Syed Hamid berkata beliau tidak fikir bahawa "kita akan dapat menulis sebarang surat kepada Singapura".

Apabila surat-surat perlu ditulis ke republik itu, beliau berkata Malaysia perlu "lebih berhati-hati".

Mengenai krisis antara Kemboja dan Thailand yang mengakibatkan para perusuh bertindak membakar premis perniagaan dan kedutaan Thailand di Phnom Penh, Syed Hamid berkata pengajaran paling penting daripada kejadian itu ialah bahawa sesebuah negara perlu sentiasa menjaga sensitiviti negara lain.

"Kalau kita lupa perkara itu, mungkin kita akan menyentuh sesuatu yang boleh mencetuskan kesan buruk," katanya.

Beliau berharap Kemboja dan Thailand dapat menyelesaikan masalah mereka dengan berunding secara aman supaya ianya tidak menjejaskan Asean secara keseluruhannya.

"Ini juga patut menjadi pengajaran bahawa kita jangan cuba menyentuh soal agama, kedaulatan, kedudukan sesebuah negara mengikut sedap rasa kita," katanya.

Rusuhan itu dikatakan tercetus berikutan komen yang dibuat oleh seorang aktres Thailand bahawa kompleks kuil Angkor Wat yang menjadi simbol kebangsaan Kemboja ialah kepunyaan Thailand.

-- BERNAMA

MAM MFJ RHM

